

Kesan dari Festival Filem

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

TIDAK syak lagi Festival Filem Malaysia anjuran Persatuan Wartawan Hiburan (EJA) yang berakhir hari Minggu lepas akan dapat dilihat setahun dua ini. Nescaya produser-produser akan berlumba untuk memenangi salah satu dari anugerah rebutan itu bagi mereka. Dalam perlumbaan demikian nescaya pula mutu filem-filem itu akan meningkat. Bukan saja para produser akan cuba sedaya upaya mendapatkan anugerah semata-mata kerana penghormatan yang datang bersamanya, tetapi juga kerana pasaran yang lebih lumayan kerananya. Tidak dapat tiada filem yang berjaya memenangi sebarang anugerah akan menarik lebih banyak penonton.

Penghormatan serta jaminan sokongan dari Kerajaan terhadap Festival Filem ini pula tidak saja akan memastikan ia dapat dianjurkan setiap tahun, malah menjadikan "Merak Kayangan" suatu lembaga yang mantap yang menjadi piawai tunggal perfileman Malaysia. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan akan memberi sumbangan kewangan kepada EJA meneruskan Festival itu di masa depan, dan memastikan saingan terhadapnya tidak akan berlaku dengan berkata Festival demikian patut dianjurkan oleh sebuah badan saja. Jadi, pastilah di masa akan datang "Merak Kayangan" akan menjadi lebih teguh, mempunyai prestij yang lebih tinggi, serta menarik perlumbaan yang lebih bersungguh-sungguh.

Di samping itu jaminan bahawa mutu persembahan dan pengeluaran akan bertambah tinggi juga terdapat dari ucapan Dr. Mahathir. Buat pertama kalinya beliau mengumumkan kesediaan Kerajaan mengeluarkan biasiswa bagi para artis dan karyawan filem. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri itu, bakat semula jadi saja tidak memadai. Tanpa latihan mereka tidak dapat mencapai taraf profesionalisme. Kejayaan Jins Shamsuddin adalah buktinya yang jelas. Dengan mutu yang bertambah, dan perusahaan ini terlindung di bawah Akta Badan Penyelaras Perusahaan Filem yang akan dibentangkan di Parlimen tahun ini, tidak syak lagi masa depan filem tempatan adalah cerah.

Cuma terdapat sedikit kekurangan dalam Festival Filem Malaysia yang pertama ini: RTM nampaknya tidak merasa ia layak diberi perhatian istimewa. Sebelum itu ia menyiarakan dengan penuh melalui TV pertandingan bowling di Genting Highlands, walaupun peminatnya dan yang mampu menyertainya amat terbatas. Kerana filem, terutama filem tempatan, amat rapat dengan hati rakyat, mereka patutlah diberi peluang yang sama dengan segelintir peminat bowling itu.